



## UNTUK SIARAN SEGERA

### MINGGU PKS 2015 PERKASAKAN USAHAWAN BELIA TERENGGANU

---

**Terengganu, 4 Jun 2015** – Seramai 1,000 pengunjung memenuhi perkarangan Arena Merdeka pada hari ini sempena Majlis Pelancaran Minggu PKS 2014 peringkat negeri Terengganu yang telah dirasmikan oleh YB Encik Roslee Daud, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Terengganu.

Minggu PKS peringkat negeri Terengganu yang berlangsung dari 4 – 6 Jun dengan tema Transformasi Usahawan Belia Terengganu ini merupakan anjuran SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Telekom Malaysia (TM), *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) dan RHB Bank.

Bersempena dengan majlis perasmian ini juga, satu majlis penyerahan *mock up* cek Geran BEEP Dana Belia oleh SME Corp Malaysia dan Pinjaman Putra oleh MARA. Penyerahan cek ini melibatkan lebih 10 usahawan belia negeri Terengganu pada tahun ini yang dibantu oleh SME Corp. dan MARA dari segi kos permulaan perniagaan dan mempromosikan produk/ perkhidmatan syarikat.

Selain itu SME Corp. Malaysia turut mengadakan Program Ziarah Qaseh 2.0 sebaik sahaja selesai Majlis Perasmian yang bertujuan untuk membantu meringankan beban komuniti masyarakat yang daif dan kurang berkemampuan menjelang bulan Ramadhan yang akan tiba. Program ini juga merupakan kesinambungan daripada Program Ziarah Qaseh pertama yang mendapat sambutan yang baik daripada semua pihak pada Minggu PKS 2014 tahun lalu.

Minggu PKS adalah satu program tahunan, anjuran SME Corp. Malaysia. Inisiatif ini telah bermula sejak tahun 2012 dan diadakan di seluruh negara, selama seminggu pada bulan Jun setiap tahun. Pada tahun ini, Minggu PKS 2015 berlangsung pada 30 Mei 2015 - 5 Jun 2015 dan melibatkan kerjasama semua Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS. Ianya juga melibatkan Kerajaan Negeri, GLC, pihak swasta, media, sekolah & universiti, pasaraya besar & kompleks beli belah, Persatuan & Dewan Perniagaan serta Institusi Kewangan.

Program ini memberi peluang kepada masyarakat umum mendapatkan maklumat serta khidmat nasihat mengenai langkah untuk memulakan dan memajukan perniagaan mereka termasuk pembiayaan.

Pada tahun ini, sebanyak 168 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara termasuklah pameran dan karnival jualan produk PKS, kaunter maklumat, sesi perkongsian pengalaman, pemanduan perniagaan, seminar penjenamaan, bengkel, forum keusahawanan, *Pocket Talk*, *Business Pitching*, klinik usahawan dan kaunter maklumat.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Cik Marianne Edwina Santa Maria ditalian 03-2775 6208 atau emel - [marianne@smecorp.gov.my](mailto:marianne@smecorp.gov.my), Pn. Sarahana Mohamad di 03-2775 6225 or email – [sarahana@smecorp.gov.my](mailto:sarahana@smecorp.gov.my)

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>  
e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia.

SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.